



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 5 Tahun 2023

PENGGUNAAN SISTEM FINEPROCUREMENT PLUS BAGI PELAKSANAAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN FASILITI DAN PEROLEHAN KERJA UiTM

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Sistem FinEProcurement Plus dalam pelaksanaan perolehan perkhidmatan fasiliti dan perolehan kerja Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 UiTM telah mula menggunakan sistem FinEProcurement Plus dalam pelaksanaan perolehan bekalan dan perkhidmatan am pada tahun 2016.
- 2.2 Perubahan daripada kaedah manual kepada sistem perolehan secara online ini telah memberi banyak kebaikan kepada UiTM antaranya jaminan integriti maklumat, pematuhan dasar & peraturan, penjimatan masa dan kemudahan akses oleh pengguna di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.
- 2.3 Penambahbaikan berterusan ke atas sistem FinEProcurement Plus telah dilaksanakan dari masa ke semasa termasuk mengemaskini fungsi dan perluasan skop dan kategori perolehan secara berfasa.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah dikehendaki menggunakan sistem FinEProcurement Plus bagi melaksanakan perolehan perkhidmatan fasiliti dan perolehan kerja.
- 3.2 Sistem FinEProcurement Plus juga boleh digunakan bagi perolehan yang menggunakan sumber peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan.

4. TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 15 Ogos 2023.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pada 15 September 2023.



WAN HASMADI WAN MOHAMED

Bendahari

Universiti Teknologi MARA

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan – Dekan Fakulti

Semua Rektor – Rektor Kampus Negeri

Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam & Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BBI(PER.6/6/1)

No. Siri : 100-BBI(PTA/5/2023)